

# OBJEKTIF ELOGBOOK

Pengumpulan data Logbook adalah satu elemen penting dalam membantu Jabatan Perikanan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tangkapan ikan, mengenalpasti hasil tangkapan ikan, mengkaji jenis peralatan dan vessel yang digunakan, menganalisis punca yang menyebabkan berlakunya pengurangan terhadap jumlah tangkapan dan usaha yang dijalankan bagi meningkatkan hasil tangkapan.

Di samping itu, data eLogbook akan membolehkan:

Membolehkan pelaporan operasi penangkapan ikan dijalankan secara nyata (*real-time*) sewaktu aktiviti dijalankan, berbanding dengan amalan sekarang iaitu dilakukan apabila kembali ke jeti.

Membantu dalam memberi laporan-laporan yang diperlukan oleh agensi-agensi di dunia seperti *Indian Ocean Tuna Commission (IOTC)*. Ini adalah penting untuk membolehkan Malaysia memncapai pematuhan kepada piawai-piawai dunia yang telah ditentukan.

Pihak DOF menentukan kelayakan Lesen Nelayan berdasarkan kuota yang ditentukan mengikut tahunan.

Pihak pemilik vesel akan dapat memantau pergerakan vesel secara berkala.

Pihak pemilik vesel dapat melakukan persediaan di pelabuhan sebelum ketibaan vesel



## HQ

Kelulusan pembaharuan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan.

## PPN

Laporan untuk proses pembaharuan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan.

## LKIM

Pengesahan berat tangkapan



## TEKONG/KAPTEN

Masukkan anggaran berat tangkapan

## PEMILIK KAPAL

Masukkan berat sebenar tangkapan

## PEMBANTU PERIKANAN

Pengesahan berat tangkapan

